

Pandu Kurang Lebih Jimat – Soalan Lazim Pelanggan

1) Apakah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat?

Pandu Kurang Lebih Jimat adalah manfaat tambahan percuma yang memberikan ganjaran kepada pelanggan sekiranya kurang memandu. Pelanggan boleh menikmati ganjaran ini melalui rebat tunai sehingga 30% daripada premium asas (tolak Diskaun Tanpa Tuntutan) jika memilih manfaat tambahan ini semasa mendaftar pelan komprehensif Motor Insurans dari Etiqa.

2) Bagaimanakah cara untuk saya mendaftar manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat?

Anda boleh menambah manfaat ini apabila anda mendaftar pelan Insurans Motor Etiqa.

3) Adakah premium tambahan akan dikenakan untuk manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat?

Tiada tambahan premium untuk manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat, ianya adalah percuma.

4) Saya tidak menambah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat sewaktu mendaftar untuk Insurans Motor saya. Bolehkah saya mendaftar sekarang?

Tidak, anda hanya boleh menambah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat semasa pendaftaran atau pembaharuan Insurans Motor anda sahaja.

5) Adakah terdapat kriteria kelayakan tertentu untuk mendaftar?

Ya, untuk layak mendapatkan manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat, kereta anda hendaklah memenuhi kriteria berikut:

Umur Orang yang Diinsuranskan	25 – 80 tahun
Usia kenderaan	0 – 20 tahun
Jumlah yang Diinsuranskan	RM12,000 dan ke atas
Kategori	Untuk kegunaan peribadi sahaja

6) Kereta saya tidak memenuhi kriteria kelayakan. Adakah saya masih boleh menambah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat?

Tidak, kesemua kriteria kelayakan mesti dipenuhi untuk menambah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat.

7) Adakah saya masih layak untuk mendapatkan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) dengan manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat?

Ya, anda masih layak untuk menerima NCD Insurans kereta anda. Rebat Tunai untuk manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat dikira sebagai peratusan daripada premium anda, setelah ditolak NCD tahunan (jika ada).

8) Bagaimana manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat berfungsi?

Langkah 1: Aktifkan manfaat anda

Setelah mendaftar untuk pelan Insurans Motor Etiqa dengan manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat, muat naik gambar bacaan odometer & plat nombor kereta anda melalui Aplikasi Etiqa+. Anda boleh memuat naik pada bila-bila masa mengikut keselesaan anda.

Langkah 2: Tuntut rebat anda

Muat naik seterusnya bacaan odometer kereta anda Muat naik bacaan odometer kereta anda yang seterusnya adalah diperlukan untuk menuntut rebat semasa dalam tempoh perlindungan. Anda boleh memuat naik bacaan odometer sekerap yang anda mahu, tertakluk pada minimum 10 hari antara setiap muat naik.

Langkah 3: Muat naik bacaan akhir


Setelah tamat pelan Insurans Motor anda, penyerahan akhir bacaan odometer kereta anda diperlukan. Anda akan diberitahu melalui peringatan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) 3 hari sebelum tarikh tamat.

9) Bagaimanakah cara untuk saya mengaktifkan manfaat tambahan dan membuat penyerahan rebat tunai?


Anda akan perlu memuat turun aplikasi Etiqa+ di Google Play, App Store, atau Huawei App Gallery dan ikuti langkah di bawah:

Langkah 1 : Buka aplikasi Etiqa+ dan ikut arahan untuk menyediakan akaun anda.

Langkah 2 : Setelah berjaya membuat akaun, sila tekan butang "Drive Less Save More" di skrin utama untuk melihat "My Policy/Certificate".





Langkah 3 : Pilih pelan Insurans Motor untuk kenderaan anda, kemudian tekan butang "Activate" pada butang manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat. Sila baca tips dan contoh pengiraan secara terperinci. Sekiranya anda berminat, sila klik "Activate now".



Langkah 4 : Isi bacaan jarak terkini kereta anda. Kemudian tekan 'Take photo now' di bahagian bawah skrin.



Langkah 5 : Anda akan diberi 2 minit untuk mengambil gambar bacaan odometer DAN nombor plat kereta dalam dua langkah. Ikut arahan dan mula ambil gambar.



Langkah 6 : Setelah anda selesai mengambil gambar, tandakan 'I agree to the Terms and Conditions' dan kemudian tekan hantar untuk lengkapkan penyerahan. Penyerahan anda akan diluluskan dalam masa 3 hari.



10) Saya ada masalah untuk memuat naik bacaan odometer semasa menggunakan aplikasi Etiqa+. Bagaimanakah cara untuk saya dapatkan bantuan?

Jika anda menghadapi masalah semasa menggunakan aplikasi Etiqa+, sila emel ke etiqamysupport@etiqa.com.my atau hubungi wakil agihan atau ejen kami.

11) Bilakah tarikh bulanan untuk menghantar bacaan odometer? Adakah terdapat tempoh masa tertentu untuk penyerahan?

Anda boleh menghantar bacaan odometer anda pada bila-bila masa dan sekerap yang anda mahu, tertakluk pada minimum 10 hari antara setiap muat naik.

12) Jika saya tidak mahu menggunakan Aplikasi Etiqa+ untuk membuat penyerahan tuntutan, adakah terdapat alternatif lain?

Tidak, anda hanya boleh mengaktifkan dan membuat tuntutan melalui Aplikasi Etiqa+. Sebarang tuntutan yang dibuat melalui saluran lain tidak dapat dilakukan untuk manfaat tambahan Pandu Kurang Lebih Jimat.

13) Berapakah jumlah bayaran rebat tunai?

Pengiraan rebat tunai adalah berdasarkan pengiraan harian sebagai peratusan daripada premium asas (selepas ditolak Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)) berdasarkan Jadual Rebat di bawah:

Tahap	Julat Kilometer Sehari	% REBAT Harian	% Jumlah Rebat dalam setahun
1	0-14	0.082%	30%
2	15-28	0.055%	20%
3	29-42	0.027%	10%

Nota: Pecahan jarak pemanduan akan dibundarkan kepada kilometer yang seterusnya.

Berikut merupakan cara bagaimana rebat tunai anda dikira berdasarkan jadual ilustrasi dibawah.

Seksyen A - Maklumat bagaimana cara muat naik bacaan odometer anda

Seksyen ini mengandungi maklumat asas bacaan odometer anda - tarikh perlindungan bermula, premium asas, serta tarikh & kiraan muat naik.

Seksyen B - Pengiraan untuk menentukan Tahap Rebat yang anda layak

- Perbezaan jarak perbatuan (baris D) dan Bilangan hari (baris E) antara setiap bacaan odometer terkini dan pengaktifan akan dikira. Sebagai contoh, dalam ilustrasi 1, perbezaan antara bacaan odometer ke-3 dan pertama adalah 900km dan 150 hari.
- Perbezaan jarak perbatuan (baris D) akan dibahagi dengan Bilangan hari (baris E) untuk memperoleh Purata Kilometer sehari (baris F). Purata Kilometer sehari (baris F) akan dibundarkan kepada kilometer yang seterusnya, kemudian akan dipadankan dengan tahap rebat tunai yang layak dalam Jadual Rebat. Sebagai contoh, dalam ilustrasi 1, bacaan odometer ke-3, purata kilometer sehari (baris F) adalah 6km kurang daripada 14 km/sehari, oleh itu, rebat tunai adalah Tahap 1.

Seksyen C - Pengiraan untuk menentukan Jumlah Rebat Tunai anda

- Jumlah Rebat Tunai (RM) dikira dengan darab bilangan hari antara muat naik terkini dan muat naik sebelumnya (baris I) dengan peratusan rebat yang layak (baris H) dan premium asas. Sebagai contoh dalam ilustrasi 1, Jumlah Rebat Tunai (baris J) untuk muat naik ke-3 adalah $31 \text{ hari} \times 0.082\% \times \text{RM}1,200 = \text{RM}30.50$.
- % Jumlah Rebat Tunai (baris K) dikira dengan bahagi Jumlah Rebat Tunai (baris J) dengan premium asas RM1,200. Contohnya dalam ilustrasi 1, % Jumlah Rebat Tunai (baris K) untuk muat naik ke-3 ialah $30.50 / 1,200 = 2.54\%$.

Perbezaan antara ilustrasi 1 & 2 di bawah menunjukkan rebat yang akan anda nikmati berdasarkan tarikh pengaktifan yang berbeza.

Ilustrasi 1 Rebat Tunai - Lebih Awal Pengaktifan

Seksyen A - Maklumat bagaimana cara muat naik bacaan odometer anda									
	Tarikh Perlindungan Bermula	25-Jun-2021							
	Premium Asas (RM)	1,200							
A	Tarikh Muat Naik Bacaan Odometer	28-Jun-2021	25 Oct 2021	25 Nov 2021	25 Jan 2022	25 Mar 2022	25 May 2022	25 Jun 2022	
B	Kiraan Muat Naik Odometer	Muat Naik Bacaan untuk Pengaktifan	Bacaan Ke-2	Bacaan Ke-3	Bacaan Ke-4	Bacaan Ke-5	Bacaan Ke-6	Bacaan Ke-7	Jumlah
C	Bacaan Odometer sebenar (km)	10,000	10,500	10,900	11,800	12,200	25,000	25,100	-
Seksyen B - Pengiraan untuk menentukan Tahap Rebat yang anda layak									
D	Perbezaan jarak perbatuan antara muat naik bacaan odometer terkini dan pengaktifan	N/A	500	900	1,800	2,200	15,000	15,100	
E	Bilangan Hari di antara muat naik bacaan odometer semasa dan pengaktifan	N/A	119	150	211	270	331	362	
F	Purata kilometer sehari	N/A	4	6	9	8	45	41	-
G	Tahap Rebat yang layak berdasarkan penggunaan	N/A	Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1	Tahap 1	Tiada Rebat	Tahap 3	-
Seksyen C - Pengiraan untuk menentukan Jumlah Rebat Tunai anda									
H	% Rebat yang layak berdasarkan penggunaan	N/A	0.082%	0.082%	0.082%	0.082%	0.000%	0.027%	
I	Bilangan Hari di antara muat naik bacaan odometer semasa dan sebelumnya	N/A	119	31	61	59	61	31	
J	Jumlah Rebat Tunai (RM)	N/A	117.10	30.50	60.02	58.06	0.00	10.04	275.72
K	Jumlah Rebat Tunai (%)	N/A	9.76%	2.54%	5.00%	4.84%	0.00%	0.084%	23%

Ilustrasi 2 Rebat Tunai - Lebih Lambat Pengaktifan

Seksyen A - Maklumat bagaimana cara muat naik bacaan odometer anda								
	Tarikh Perlindungan Bermula	25-Jun-2021						
	Premium Asas (RM)	1,200						
A	Tarikh Muat Naik Bacaan Odometer	25-Oct-2021	25 Nov 2021	25 Jan 2022	25 Mar 2022	25 May 2022	25 Jun 2022	
B	Kiraan Muat Naik Odometer	Muat Naik Bacaan untuk Pengaktifan	Bacaan Ke-2	Bacaan Ke-3	Bacaan Ke-4	Bacaan Ke-5	Bacaan Ke-6	Jumlah
C	Bacaan Odometer sebenar (km)	10,500	10,900	11,800	12,200	25,000	25,000	-
Seksyen B - Pengiraan untuk menentukan Tahap Rebat yang anda layak								
D	Perbezaan jarak perbatuan antara muat naik bacaan odometer terkini dan pengaktifan	N/A	400	1,300	1,700	14,500	14,600	
E	Bilangan Hari di antara muat naik bacaan odometer semasa dan pengaktifan	N/A	31	92	151	212	243	
F	Purata kilometer sehari	N/A	13	14	11	68	60	-
G	Tahap Rebat yang layak berdasarkan penggunaan	N/A	Tahap 1	Tahap 2	Tahap 1	Tiada Rebat	Tiada Rebat	-
Seksyen C - Pengiraan untuk menentukan Jumlah Rebat Tunai anda								
H	% Rebat yang layak berdasarkan penggunaan	N/A	0.082%	0.055%	0.082%	0.000%	0.000%	
I	Bilangan Hari di antara muat naik bacaan odometer semasa dan sebelumnya	N/A	31	61	59	61	31	
J	Jumlah Rebat Tunai (RM)	N/A	31	40	58	0	0	116.60
K	Jumlah Rebat Tunai (%)	N/A	2.54%	3.36%	4.84%	0.00%	0.00%	23%

14) Saya terlupa untuk menyerahkan gambar bacaan odometer kereta dan nombor plat kereta sewaktu saya mendaftar untuk pelan Insurans Motor Etiqa. Adakah saya masih layak untuk mendapatkan rebat tunai?

Ya, anda boleh mengaktifkan manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat pada bila-bila masa selepas anda mendaftar untuk pelan Insurans Motor Etiqa. Apa yang perlu anda lakukan ialah memuat naik gambar bacaan odometer dan plat nombor kereta untuk layak mendapatkan rebat tunai.

15) Saya baru sahaja membuat tuntutan pelan Motor Insurans saya. Adakah saya masih layak untuk rebat tunai?

Ya, anda masih layak untuk rebat tunai walaupun anda telah membuat tuntutan pelan Motor Insurans.

16) Jika kereta saya berada di bengkel, adakah saya masih perlu menyerahkan gambar odometer kereta?

Tidak, anda hanya perlu menyerahkan gambar odometer kereta anda selepas kereta anda dibaiki di bengkel.

17) Saya telah menambah manfaat Pandu Kurang Lebih Jimat untuk kereta saya, tapi saya memutuskan untuk menjualnya dalam tempoh perlindungan. Adakah saya masih layak untuk rebat tunai?

Tidak, anda hanya layak untuk rebat tunai untuk hari sebelum pembatalan polisi anda.

18) Adakah situasi lain di mana rebat tunai TIDAK akan dibayar?

Anda tidak layak untuk menerima rebat tunai bagi keadaan berikut:

- a) Rebat tunai terkumpul anda telah mencapai maksimum 30%.
- b) Polisi telah dibatalkan oleh anda atau kami pada bila-bila masa sebelum tamat Tempoh Insurans. Walaubagaimanapun, rebat tunai yang layak akan dibayar sebelum pembatalan.
- c) Terdapat perbezaan/ pengubahsuaian/ penggantian atau kerosakan yang tidak diluluskan pada bacaan odometer kereta atau gambar yang dihantar kepada kami.